

Prestasi pengurusan kewangan tunjuk peningkatan

# Kesemua 25 kementerian capai tahap cemerlang

Oleh RASDAN AHMAD

pada 25 kementerian pada 2015 dan 24 kementerian pada 2014," menurut laporan itu yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam.

Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 kementerian, 18 jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan dan 38 badan berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan tiga tahun.

Ia bagi menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

Menurut laporan itu, prestasi pengurusan kewangan di 18 jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan menunjukkan peningkatan den-

## KUALA LUMPUR

Kesemua 25 kementerian mencapai tahap cemerlang pada tahun lalu berbanding dua tahun sebelumnya, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1.

Menurut intisari laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang terkandung dalam laporan audit itu, prestasi pengurusan kewangan di peringkat kementerian keseluruhannya menunjukkan peningkatan.

"Pada tahun lalu, semua 25 (100 peratus) kementerian mencapai tahap cemerlang berbanding 16 (64 peratus) dan 20 (83.3 peratus) dari-



**KEMENTERIAN Kewangan antara 25 kementerian yang mencapai tahap cemerlang pada tahun lalu. - Gambar hiasan**

gan 16 jabatan mencapai tahap cemerlang dan dua pada tahap baik.

Sementara itu, Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 mengesahkan bahawa secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disem-

ber 2016 telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan kerajaan.

Berdasarkan intisari laporan tersebut, rekod perakuan turut telah diselenggara dengan teratur dan dikemaskini.